



HAYATI KEUTUHAN *Dalam* PERKHIDMATAN

Para Pegawai Syariah yang menghadiri Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Tahun 2000 diharap dapat menghayati konsep keutuhan atau integriti dalam perkhidmatan dengan mewujudkan sistem pengurusan dan pentadbiran yang kemas, sempurna dan baik bagi memartabatkan institusi kehakiman syariah di Malaysia. Saranan ini telah dikemukakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Y.B. Senator Dato' Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Othman. Beliau juga menggesa supaya konsep integriti atau keutuhan dipertingkatkan pemakaianya di Mahkamah-mahkamah Syariah di Malaysia yang merangkumi sistem pengurusan dan perkhidmatan kaunter yang cekap dan dinamik di dalam membantu pelanggan dan memperluaskan penggunaan teknologi maklumat (IT) di Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia.



Beliau menyatakan demikian ketika berucap di Majlis Perasmian Persidangan Tahunan Pegawai Syariah Tahun 2000 dan Pelancaran Buletin Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia pada 28 Ogos, 2000 di Guoman Resort, Port Dickson, Negeri Sembilan.

Pengisian persidangan yang membawa tema "Penguatkuasaan dan Pelaksanaan Perintah di Mahkamah Syariah" ini diadakan beberapa program seperti pembentangan kertas kerja bagi tema, sesi forum dan aktiviti sukan disertai seramai 134 Pegawai Syariah dari seluruh negara termasuk ketua-ketua Hakim Syarie, Hakim-hakim, Pendakwa Syarie serta Peguam Syarie Biro Bantuan Guaman. Selain daripada itu, satu taklimat mengenai sistem Faraid Berkomputer juga diadakan dengan kerjasama Y.Bhg. Prof. Madya Dr. Ahmad bin Abdul Majid dari Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang. Di akhir persidangan, beberapa resolusi telah dikeluarkan bagi tindakan pihak-pihak yang berkenaan.

SIDANG REDAKSI

Penaung/Penasihat

Y.A.A. Dato' Sheikh
Ghazal Hj. Ab Rahman,
Ketua Pengarah/
Ketua Hakim Syarie JKSM

Ketua Pengarang

Tuan Mohamad Hj.
Abdullah
Ketua Pendaftar JKSM

Sidang Redaksi

Nassir Hj. Abdul Aziz
Mohd Amran Mat Zain
Azmee Haji Hussin
Sukarno Osman

Produksi dan Edaran

Hj. Hasbullah Hassan
Ramlah Endut
Rathanah Abd. Hamid

Jurugambar

Anuar Hj. Idris

Susunatur dan Grafik

Azmee Haji Hussin
Noor Fazlida Hamdan

Dari Meja

Ketua Pengarang

Buletin Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia bertemu dengan para pembaca sekalian buat kali kedua.

Buletin ini diterbitkan untuk menyampaikan maklumat berkaitan perkembangan kehakiman Islam di Malaysia. Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan sepanjang tahun 2000 berkaitan kehakiman Islam. Dengan itu, slogan kehakiman Islam ialah mendaulatkan keadilan. Dengan itu slogan kehakiman Islam di Malaysia berbunyi "Syariah Asas Keadilan".

Kehakiman disebut juga pengadilan. Pengadilan adalah sesuatu yang dituntut dan merupakan fardu kifayah. Oleh itu, kehakiman atau pengadilan adalah sebahagian daripada amalan yang berbentuk perdampingan diri kepada Allah Ta'ala. Kitab Al-Mughni Jilid 9 halaman 34 ada menyebutkan "Pengadilan itu satu wasilah atau cara menegakkan makruf dan menentang kemungkar, menolong orang yang dizalimi, menakutkan orang zalim daripada melakukan kezaliman, menyampaikan hak kepada empunya, mendamaikan antara manusia dan menghukum dengan kebenaran".

Kehakiman Islam di Malaysia mempunyai bidangkuasa yang telah ditetapkan oleh Perlembagaan Malaysia. Oleh itu, keadilan yang boleh dicapai dalam bidang yang terhad sahaja. Dengan kedatangan alaf baru masehi, diharapkan berlaku perubahan dari pelbagai segi berkaitan Mahkamah Syariah di Malaysia, sama ada dari segi kepegawaianya, prasarana terkini dan lain-lain terutama perubahan dari struktur organisasi, penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan pewujudan peraturan-peraturan penghakiman sebagai panduan dalam perbicaraan dan penghakiman.

PELAKSANAAN SULH DI BAWAH PENTADBIRAN MAHKAMAH SYARIAH

Terdapat dalam al-Qur'an al-Karim dan Sunnah Rasulullah s.a.w. galakkan untuk menyelesaikan pertikaian atau menghentikan pergaduhan dengan sulh. Sulh boleh dilaksanakan dengan sukarela, tidak ada paksaan atau tekanan dari mana-mana pihak.

Firman Allah S.W.T. dalam Surah an-Nisa' ayat 128 yang bermaksud :

"Dan jika seseorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya 'nusyuz' (kebencian) atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka (secara yang sebaik-baiknya) kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai) sedangkan sifat bakhil kedekut (tidak suka memberi atau bertolak ansur) itu memang tabiat semulajadi manusia. Dan jika kamu berlaku baik (dalam pergaulan) dan mencegah diri (daripada melakukan kezaliman), maka sesungguhnya Allah Maha Mendalam pengetahuan-Nya akan apa yang kamu lakukan."

Dan Firman Allah dalam Surah an-Nisa' ayat 114 yang bermaksud : "Tidak ada kebaikan pada kebanyakan bisikan-bisikan mereka, kecuali (bisikan) orang yang menyuruh bersedekah atau berbuat kebaikan atau mendamaikan di antara manusia. Dan sesiapa yang berbuat demikian dengan maksud mencari keredhaan Allah, tentulah Kami akan memberi kepadanya pahala yang amat besar".

Manakala Firman Allah S.W.T. dalam Surah al-Hujurat ayat 9 yang

bermaksud: "Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya; jika salah satunya berlaku zalm terhadap yang lain, maka lawanlah puak yang zalm itu sehingga ia kembali mematuhi perintah Allah, jika ia kembali patuh maka damaikanlah di antara keduanya dengan adil (menurut hukum Allah) serta berlaku adillah kamu (dalam segala perkara) sesungguhnya Allah mengasihi orang-orang yang berlaku adil."

Dari pada 'Amr bin 'Auf r.a. bahawa Rasulullah s.a.w. telah bersabda maksudnya: "Al-Sulh (perdamaian) itu adalah suatu yang harus di antara muslimin di antara muslimin kecuali suatu perdamaian yang mengharamkan yang halal atau menghalalkan yang haram dan kaum muslimin adalah terikat dengan janji mereka kecuali janji yang mengharamkan yang halal dan menghalalkan yang haram. Riwayat Termizi (Subulus Salam Juzu' 3 halaman 59).

Konsep sulh atau perdamaian yang dianjurkan oleh Islam itu adalah amat baik kerana ia akan dapat menghilangkan perasaan dendam yang membawa di dalam hati pihak-pihak yang bertelagah dan akan dapat mengukuhkan tali perhubungan di antara mereka lebih-lebih lagi perhubungan di antara keluarga sekiranya berlaku perselisihan di antara anggota keluarga. Dengan itu konsep sulh telah diterima pakai di dalam masyarakat kita dan telah banyak kes-kes tuntutan yang dibawa ke mahkamah diputuskan dengan cara persetujuan bersama. Mengikut perkembangan mutakhir

ini beberapa negeri di Malaysia telah menerima konsep sulh dan telah memperkenankan sulh di dalam Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah / Ordinan Acara Mal Syariah. Bahagian XIV Enakmen Kanun Prosedur Mal Syariah (Selangor) 1991 seksyen 87, bahagian dan seksyen yang sama Ordinan Acara Mal Syariah (Sarawak) 1991 telah memperuntukkan mengenai sulh dan seksyen 88 mengenai penyelesaian.

Seksyen 87 - Pihak-pihak dalam sesuatu prosiding digalakkan mengadakan sulh untuk menyelesaikan pertikaian mereka;

Seksyen 88

1. Apabila sesuatu tindakan telah diselesaikan mengikut perjanjian pihak-pihak:
 - (a) Mahkamah atau Pendaftar boleh bila-bila masa dengan keizinan pihak-pihak mencatatkan kebenaran-kebenaran itu dengan atau tanpa mencatat syarat-syaratnya ; atau
 - (b) mana-mana pihak kepada penyelesaian itu boleh memohon supaya penyelesaian itu dicatatkan dan mahkamah, jika berpuashati selepas mendengar pihak-pihak bahawa tindakan itu telah diselesaikan hendaklah mencatatkan penyelesaian itu dan syarat-syaratnya;
 - (c) catatan penyelesaian itu hendaklah menjadi pembelaan res judicata kepada prosiding kemudiannya.
2. Mana-mana pihak kepada sesuatu tindakan yang telah diselesaikan boleh mendapat satu salinan sah mengenai penyelesaian yang dicatatkan itu.

Sebagai satu langkah untuk melaksanakan sulh seperti yang diperuntukkan di dalam Acara Mal Syariah Negeri-negeri dan untuk mempercepatkan penyelesaian kes-kes di mahkamah serta menyelaraskan pelaksanaan peruntukkan tersebut maka sesuatu kaedah prosedur mal (sulh) perlu

diijudikan. Jawatankuasa Teknikal Penyelarasian Undang-undang Syara' dan Sivil, JAKIM telah menderafkan satu kaedah yang dinamakan Kaedah-kaedah Prosedur Mal (Sulh) (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1996. Kaedah-kaedah ini dibuat mengikut kuasa-kuasa yang diberikan oleh seksyen 237 Akta Prosedur Mal Mahkamah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1996.

Mahkamah Syariah telah diamanahkan untuk menyelesaikan Sunnah, pertikaian di antara orang-orang Islam terutamanya yang berkaitan dengan kekeluargaan dan lain-lain seperti yang diperuntukkan di dalam Akta atau Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri-negeri, Undang-undang Keluarga Islam dan lain-lain.

Dalam usaha menyelesaikan pertikaian secara adil menurut perundangan Islam, Qadhi atau Hakim hendaklah memulakannya dengan menggalakkan pihak-pihak yang bertikai supaya berdamai dan bertolak ansur kerana berdamai itu akan menghentikan pertelaghan dan perselisihan serta mengukuhkan perhubungan.

Sehubungan dengan itu, Mahkamah apabila menerima perhubungan baik dari pihak isteri ataupun dari pihak suami hendaklah memainkan peranannya untuk cuba mendamaikan atau menyelesaikan permohonan tersebut dengan tidak mengambil masa yang lama selepas permohonan itu dikemukakan ke Mahkamah.

Mengikut Kaedah 3 Kaedah-kaedah Prosedur Mal (Sulh) (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1996, apabila menerima sesuatu saman atau permohonan bagi apa-apa kuasa tindakan Pendaftar hendaklah:-

- (a) dengan seberapa segera yang praktik menetapkan tarikh bagi pihak-pihak mengadakan sulh ; dan
- (b) menyampaikan notis kepada pihak-pihak mengenai tarikh yang ditetapkan itu.

Kaedah itu tidak menetapkan masa bagi pihak-pihak mengadakan suluhan dan terpulanglah kepada budibicara Pendaftar untuk menentukan tarikh bagi pihak-pihak mengadakan suluhan dan menyampaikan notis kepada pihak-pihak mengenai tarikh yang ditetapkan itu. Walaupun kaedah ini tidak menetapkan tarikh tetapi Pendaftar haruslah memberi perhatian kepada piagam Mahkamah yang menjanjikan bahawa setiap permohonan akan diselesaikan dalam masa dua bulan.

Prosedur Suluhan—

Prosedur Suluhan yang mesti dipatuhi oleh Pendaftar atau mana-mana pegawai Mahkamah yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie menjadi Pengerusi Majlis Suluhan yang dihadiri oleh kedua-dua belah pihak atau diwakili atau dibantu oleh Peguam Syarie masing-masing. Prosedur itu juga memfasikan peranan dan kewajipan Pengerusi Majlis Suluhan. Kaedah 5, Kaedah-kaedah Prosedur Mal (Suluhan) tersebut ialah:-

- (1) Suluhan hendaklah diadakan dalam suatu Majlis yang dihadiri oleh kedua-dua belah pihak dan dipengerusikan oleh Pendaftar atau mana-mana pegawai Mahkamah yang dilantik oleh Ketua Hakim Syarie bagi maksud itu;
- (2) Dalam Majlis Suluhan tersebut maka pihak-pihak boleh diwakili atau dibantu oleh Peguam Syarie masing-masing;
- (3) Pengerusi hendaklah dimana-mana mungkin membantu pihak-pihak untuk mencapai penyelesaian dalam pertikaian yang menjadi hal perkara suluhan tersebut;
- (4) Sebaik sahaja Majlis Suluhan selesai, Pengerusi hendaklah melaporkan keputusan suluhan tersebut kepada Mahkamah.

Dengan pelaksanaan Kaedah-kaedah Prosedur Mal (Suluhan) ini maka peranan atau kewajipan Pendaftar Mahkamah akan

lebih banyak kerana Pendaftar akan dipertanggungjawab sebagai Pengerusi Majlis Suluhan iaitu satu perkara yang selama ini peranan itu dimainkan oleh unit lain. Oleh yang demikian adalah perlu Bahagian Pentadbiran dan Kewangan Mahkamah Syariah dikaji dan disusun semula dengan mengambil kira peranan Pendaftar mengikut Kaedah-kaedah Prosedur Mal (Suluhan) dan jika perlu bahagian ini ditambah dengan Unit Suluhan ataupun sekurang-kurangnya ditambah bilangan Pendaftar.

Penghakiman Persetujuan

Dalam Majlis suluhan kedua-dua belah pihak mencapai persetujuan, sama ada sebahagiannya atau sekurang-kurangnya pihak-pihak hendaklah menyediakan/mengesahkan suatu deraf persetujuan dan Pengerusi hendaklah menyampaikan deraf persetujuan tersebut kepada Mahkamah untuk direkodkan sebagai satu penghakiman persetujuan di bawah seksyen 134 Akta Undang-undang keluarga Islam.

Jika tidak mencapai apa-apa persetujuan atau hanya mencapai persetujuan mengenai sebahagian daripada perkara yang dipertikaikan, Mahkamah hendaklah menetapkan tarikh meneruskan prosiding bagi menyelesaikan perkara di hadapannya.

Kaedah 7 tidak menentukan masa bagi meneruskan prosiding itu, tetapi bagi sesetengah negara seperti Mesir, kaedah telah menetapkan masa prosiding itu harus didengar itu dalam lingkungan masa tidak melebihi sebulan.

Kesimpulan

Adalah diharapkan bahawa dengan peraturan dan kaedah yang diselaraskan serta berpandukan Hukum Syariah maka pelaksanaan suluhan di bawah pentadbiran Mahkamah Syariah akan mencapai matlamatnya dan direhui Allah SWT.

SEJARAH

MAHKAMAH SYARIAH NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN



Kompleks Mahkamah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam yang menempatkan Mahkamah Tinggi Syariah Selangor

LATAR BELAKANG PENUBUHAN

Mahkamah Syariah Negeri Selangor Darul Ehsan telah ditubuhkan sejak 1952 berdasarkan kepada seksyen 44(1) dan (2) Enakmen Undang-undang Pentadbiran Agama Islam Selangor No. 3/1952. Sejak ditubuhkan hingga September, 1991 Mahkamah ditadbir bersama oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS). Mulai September, 1991, Mahkamah telah diasingkan dari pengurusan JAIS dan mempunyai pentadbir sendiri yang beribupejabat di Aras 13, Wisma MPSA, Shah Alam.

Kepentingan fungsi dan peranan Mahkamah ini telah diberi pengiktirafan oleh Kerajaan Negeri apabila pada tanggal 15 Ogos, 2000, ibupejabat Mahkamah telah berpindah ke bangunan sendiri di Bangunan Mahkamah Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam.

VISI

Menjadi Institusi Kehakiman Islam Yang Berwibawa

MISI

Melaksanakan pengadilan, pengurusan Mahkamah dan perkhidmatan sokongan secara profesional, berkesan dan sistematik berasaskan peruntukan Undang-undang Islam yang seragam di Selangor untuk mencapai keredhaan Allah

FUNGSI

- ❖ Menerima dan menyelesaikan kes-kes yang dibawa ke Mahkamah Syariah dengan adil dan saksama mengikut peruntukan undang-undang;
- ❖ Menguatkuasakan melaksanakan sistem kehakiman Islam yang teratur dan berkesan;
- ❖ Mengurus kes-kes rayuan syariah secara teratur dan berkesan;
- ❖ Menguruskan permohonan pembahagian harta pesaka;
- ❖ Membangunkan sumber manusia yang terlatih dan mencukupi;
- ❖ Memberi perkhidmatan rundingcara, pertemuan dan perdamaian

OBJEKTIF

- > Mengendali dan menyegerakan kes-kes syariah dengan adil, teratur dan berkesan;
- > Mempertingkatkan kemahiran-kemahiran pegawai dan kakitangan;
- > Mempertingkatkan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dalam pentadbiran;
- > Mempunyai kemudahan dan infrastruktur yang terbaik dan mencukupi

DIRGAHAYU

**LAWATAN SPD YDP AGONG
SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH DAN
SPB RAJA PERMAISURI AGONG TUANKU AISHAH
KE MAHKAMAH SYARIAH WILAYAH PERSEKUTUAN
24 OGOS, 2000**



BERITA BERGAMBAR AKTIVITI JKSM JULAI—DISEMBER, 2000



**BERITA BERGAMBAR AKTIVITI JKSM
JULAI—DISEMBER, 2000**



MESYUARAT J/KUASA INDUK IT MAHKAMAH SYARIAH SELURUH MALAYSIA



Mesyuarat J/Kuasa Induk IT Mahkamah Syariah Seluruh Malaysia telah diadakan pada 13 November, 2000 di Putrajaya dipengerusikan oleh Ketua Pengarah JKSM. Turut menjayakan mesyuarat tersebut adalah MAMPU dan Pegawai IT Negeri-negeri.

MAJLIS TAKLIMAT ORGANISASI JKSM KEPADA J/KUASA KUALITI JPM



Majlis Taklimat Organisasi JKSM oleh Ketua Pendaftar Tuan Mohamad bin Hj. Abdullah kepada J/Kuasa Penilaian Kualiti JPM pada 11 November, 2000.

KURSUS PERKHIDMATAN KAUNTER BERKUALITI MAHKAMAH SYARIAH BIL. 2



Kursus Perkhidmatan Kaunter Berkualiti Bil. 2 diadakan di INTAN Kluang, (IKWAS) dengan kerjasama INTAN dirasmikan oleh Ketua Pendaftar JKSM pada 23 Oktober, 2000.

**SEMINAR ANTARABANGSA
UNDANG-UNDANG ISLAM DALAM DUNIA
MASA KINI
ANJURAN IKIM DAN JKSM
24–26 OKTOBER, 2000**



Seminar antarabangsa ini telah diadakan mulai 24 hingga 26 Oktober, 2000 anjuran Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) dengan kerjasama Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM). Majlis Perasmianya telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad, Perdana Menteri Malaysia.

Beberapa perwakilan daripada gagasan negara-negara ASEAN serta negara-negara Islam yang lain telah mengambil bahagian dalam seminar ini. Y.A.A. Ketua Pengarah JKSM turut mengambil bahagian dengan mempengerusikan salah satu sessi pembentangan kertas kerja seminar.



PROFIL PENERIMA ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG WARGA JKSM

Dua orang warga Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) telah berjaya dipilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 1999 di peringkat Jabatan Perdana Menteri. Mereka yang dimaksudkan adalah Encik Mohd Amran bin Mat Zain dan Encik Anauar bin Hj. Idris.

Encik Mohd Amran bin Mat Zain, seorang Pegawai Syariah bertugas sebagai Pendaftar di JKSM sejak 1hb. September, 1999. Sebelum itu beliau bertugas di Biro Bantuan Guaman (BBG) Cawangan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai Penolong Pengarah Guaman Bahagian Syariah. Pengalaman beliau dalam guaman syariah telah membuka peluang kepadanya untuk menaburkan khidmat bakti kepada masyarakat melalui program-program BBG.

Beliau yang berasal daripada Kota Bharu, Kelantan mendapat pendidikan menengah di Ma'ahad Muhammadi, Kota Bharu dan seterusnya menyambung pelajaran di Akademi Islam Universiti Malaya di Nilam Puri, Kelantan. Setelah berjaya di sini, beliau telah melanjutkan pengajiannya di Universiti Malaya, Kuala Lumpur sehingga berjaya memperolehi B.A. Hon's (Second Class Upper) di bidang Syariah. Kemudian beliau telah memperolehi Diploma Administration & Islamic Judiciary di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Ketika di Universiti Malaya, beliau telah berkecimpung



Encik Mohd Amran Mat Zain sedang menerima sijil anugerah Perkhidmatan Cemerlang daripada Y.Bhg. KSN Tan Sri Abdul Halim bin Ali.

dalam bidang ketenteraan sebagai Pegawai Simpanan Tentera Darat (Wataniah).

Beliau telah berumahtangga dengan Puan Asmah bt. Musa, seorang Pegawai Undang-undang di Jabatan Peguam Negara dan kini mereka dikurniakan dua orang cahayamata.

Beliau aktif dalam bidang persatuan di antaranya terpilih sebagai Setiausaha Persatuan Pegawai Syariah Seluruh Malaysia bagi sessi tahun 2000 /2001.



Encik Anauar b. Hj. Idris sedang menerima sijil anugerah Perkhidmatan Cemerlang daripada Y.Bhg. KSN Tan Sri Abdul Halim bin Ali.

Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang kedua warga JKSM ialah Encik Anauar bin Hj. Idris. Beliau bertugas sebagai Pemandu di JKSM sejak daripada 21 Disember, 1998. Beliau telah memulakan perkhidmatan dalam Kerajaan semenjak daripada tahun 1985 bermula di Pejabat Pegawai Keselamatan Kerajaan, JPM. Pada tahun 1987, beliau telah bertukar ke Pejabat Ketua Setiausaha Negara sebagai Pemandu Khas kepada Y.Bhg. Tan Sri Dato' Seri Ahmad Sarji bin Abdul Hamid, KSN pada masa itu. Selepas daripada itu, beliau telah bertukar ke Pejabat YAB Timbalan Perdana Menteri sebelum berpindah ke Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia sehingga kini.

Encik Anauar sememangnya dikenali sebagai seorang yang tekun menjalankan tugas dan sentiasa membantu tugas rakan-rakan yang lain di pejabat. Beliau telah berumahtangga dengan Puan Rosila bt. Ahmad Shatibi, seorang Pembantu Tadbir (Kesetiausahaian) di Pejabat Y.A.B. Perdana Menteri Malaysia. Hasil daripada perkongsian hidup, mereka kini dikurniakan seorang anak lelaki yang kini berumur 2 tahun.

Buletin JKSM mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada kedua-dua penerima anugerah ini.

Syabas !

RENCANA

KEADILAN DAN CABARAN HAWA NAFSU

Oleh : Azmee Haji Hussin

Seluruh manusia baik apa jua agama yang dianutinya itu senantiasa inginkan keadilan. Fikrah kehidupan manusia dalam sehari-hari, sedikit sebanyak akan berkehendakkan keadilan daripada orang lain ataupun melakukan keadilan kepada orang lain. Oleh itu, ada yang berjaya menikmatinya dan ada juga yang gagal memperolehnya. Ada juga yang berjaya melaksanakan keadilan dan ada juga yang sebaliknya. Begitulah di antara hak-hak bagi setiap insan di atas muka bumi.

Waupun untuk menyempurnakan kehendak-kehendak keadilan itu amat sukar dicapai tetapi bukan pula bererti ia langsung tidak dapat diperolehi sama sekali. Oleh itu, manusia disarankan supaya dapat melakukan keadilan sebaik mungkin seperti yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. dalam firman-Nya:

إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَإِنَّمَا حُسْنُ وَإِيمَانٍ

ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ

النَّحْلُ ٩٠

Maksudnya:

Sesungguhnya Allah memerintahkan kamu supaya berlaku adil dan membuat kebaikan dan memberi kepada kaum keluarga.

(al-Nahl: 90)

Keadilan merupakan suatu kemestian dalam menegaskan hak atau kebenaran. Amalan keadilan akan dapat menjamin ketenangan, mengelakkan keamanan dan mengukuhkan hubungan antara individu dalam keadaan bersaudara. Kezaliman merupakan keburukan yang ditegah dan wajib dihindari oleh kerana ia dijanjikan dengan azab yang pedih oleh Allah S.W.T. Individu yang bersifat zalim juga akan menghancur dan memusnahkan ketenangan kehidupan manusia seluruhnya.

Oleh itu, Allah S.W.T. telah menjadikan keadilan itu sebagai tugas para Rasul untuk disempurnakan antara manusia seperti yang ditegaskan dalam al-Qur'an di dalam Surah al-Hadid ayat 25:

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رَسُولًاٰ بِالْبَيِّنَاتِ وَنَزَّلْنَا مَعَهُمُ الْكِتَابَ

وَالْمِيزَانَ لِيَقُومَ النَّاسُ بِالْقِسْطِ

الhadid ٢٥

Sesungguhnya Kami telah utuskan Rasul-Rasul Kami dengan keterangan-keterangan dan Kami turunkan bersama mereka Kitab dan neraca untuk disempurnakan oleh manusia dengan adil dan saksama.

(al-Hadid :25)

Keadilan yang disarankan oleh Islam adalah keadilan yang mutlak dan sama antara seluruh manusia, kerana itu Allah S.W.T. berfirman:

وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ فَإِنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

النَّسْأَ ٥٨

Maksudnya:

Dan apabila kamu menghukum antara manusia maka hendaklah kamu menghukum dengan adil.

(an-Nisa' : 58)

Keadilan itu mempunyai asas yang bebas daripada lingkaran hawa nafsu dan tidak pula terpengaruh oleh sesuatu yang lain selain dari kebenaran yang mutlak. Oleh itu, Islam telah menjadikan ciri-ciri keadilan sebagai asas kepada hukum dan peraturan. Oleh itu, menghukum dengan berasaskan keadilan merupakan tuntutan syarak seperti yang diperintahkan oleh Allah S.W.T.

Hubungan keadilan itu adalah sebagai pengikat di antara individu-individu dalam masyarakat Islam. Apabila berlaku kezaliman dalam mana-mana peringkat, ia akan menggugat hubungan persaudaraan di kalangan manusia. Sabda Rasulullah S.A.W. yang bermaksud :

"Kezaliman itu adalah kegelapan di Hari Kiamat"

Sebarang hukuman yang berdasarkan hawa nafsu semata-mata, maka terjejaslah keadilan. Hawa nafsu dan keinginan akan memerintah dan menguasai diri bagi kepentingan diri, kaum kerabat dan keuntungan harta benda akan menjadi matlamat. Dalam hal ini, Allah S.W.T. berfirman:-

فَلَا تَبْعُدُوا لِهُوَ أَنْ تَعْدِلُونَ

النّبِيُّ ١٣٥

Maksudnya : Oleh itu, janganlah kamu turutkan hawa nafsu supaya kamu tidak menyeleweng dari keadilan

(an-Nisa' : 135)

Ayat ini bermaksud berjaga-jagalah daripada menurut kemahuan hawa nafsu kerana ia akan menyelewengkan kamu daripada berlaku adil. Sekiranya seseorang itu tidak berlaku adil, maka ia akan dituntut di akhirat walau sekecil mana pun perkara itu.

Sesungguhnya hawa nafsu akan menarik seseorang individu atau kumpulan kepada kesengsaraan yang tidak berkesudahan sedangkan keadilan meningkatkan martabat manusia dan membantunya dalam melaksanakan risalah atau tanggungjawab yang besar yang merupakan tujuan Allah S.W.T. menciptakan manusia. Keadilan adalah perisai yang akan memberi perlindungan dan haruman kepada orang-orang yang melaksanakannya. Ini jelas sekali dalam kisah Saidina Umar al-Khattab, beliau merasakan tidak ada apa-apa halangan atau rasa takut untuk tidur seorang diri di bawah pokok walaupun kerajaannya ketika itu meluas ke seluruh dunia. Peristiwa ini menyebabkan utusan Raja Parsi yang datang menemuinya merasa takjub dan berkata "Engkau memerintah wahai Umar, engkau berlaku adil, lalu engkau berasa aman lalu engkau tidur di bawah pokok ini".

Tetapi bagi orang yang menurut hawa nafsu semata-mata dan mengenepikan keadilan, nafsunya itu tidak lagi memperdulikan nilai-nilai keadilan dan kebenaran, langsung tidak dapat menikmati tidur ataupun menikmati ketenteraman dalam kehidupan mereka.

Oleh itu, berusahaalah kita melatih diri agar tidak terbelenggu dari dikuasai oleh hawa nafsu yang tidak akan luput dalam diri selagi mana kita berdiri di atas muka bumi ini. Hawa nafsu yang tidak boleh dikawal itu samalah dengan keadaan haiwan yang tidak dikurniakan Allah S.W.T. akal fikiran hanya nafsu semata-mata. Penyalahgunaan hawa nafsu itu adalah tabiat haiwan. Ingatlah kita semua.

وَاللهُ عَلَم